



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MOHD SALIHIN BIN NIK WIL MENGENAI BANJIR 2014 DI
DAERAH KUALA KRAI**

DISEDIAKAN OLEH :-

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH 2015837526

MARZIANI BINTI MAT RANI 2015837382

IJAZAH SARJANA MUDA SAINS PENGURUSAN MAKLUMAT (KEPUJIAN)

SAINS PERPUSTAKAAN

IM244

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KAMPUS SUNGAI PETANI

KEDAH

SEMESTER 5 (SEPTEMBER 2016- JANUARI 2017)

JANUARI 2017

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	ii
SENARAI SINGKATAN PERKATAAN	iii
1.0 BIODATA	1
1.1 BIODATA PENEMURAMAH	2-3
1.2 BIODATA PENCERITA	4
2.0 PENGENALAN	5-6
3.0 KAJIAN LITERATUR	7-9
4.0 RINGKASAN TRANSKRIP	10-11
5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL	12-37
6.0 RALAT	38-39
7.0 LOG TEMUBUAL	40-43
8.0 INDEKS	44-48
9.0 RUJUKAN	49-50
10.0 LAMPIRAN	51
10.1 PERJANJIAN	52
10.2 SENARAI SOALAN	53-60
10.3 DIARI PENYELIDIKAN	61-63
10.4 GAMBAR	64-76

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

ABSTRAK

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

ABSTRAK

Transkrip Temubual Bersama Encik Mohd Salihin Bin Nik Wil Mengenai Banjir 2014 Di Daerah
Kuala Krai

Abstrak : *Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Nik Salihin Bin Nik Wil mengenai Banjir 2014 di Daerah Kuala Krai. Transkrip temubual ini dijalankan di dalam pejabat UMNO Daerah Kuala Krai, Kelantan pada 27 November 2016 bermula jam 11 pagi. Beliau merupakan Pentadbir Mukim Dun Guchil, Parlimen Kuala Krai Kelantan. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang bencana banjir yang melanda daerah Kuala Krai pada tahun 2014. Selain itu, temubual ini lebih menumpukan tentang banjir yang teruk di Manek Urai. Beliau menceritakan bagaimana banjir ini berlaku dan berapa lama tempoh banjir berlaku. Selain itu, beliau juga menceritakan agensi-agensy yang turut terlibat dalam misi membantu mangsa banjir ini.*

Kata kunci : Encik Mohd Salihin Bin Nik Will, Pentadbir mukim, Banjir, Kuala Krai

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

PENGHARGAAN

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu kami ingin panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana akhirnya kami dapat menyiapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Tidak dinafikan, pelbagai halangan yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama pencerita, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya, kami dapat atasi masalah yang itu.

Jutaan terima kasih kami tujukan kepada pembimbing akademik kami untuk subjek IMR604 – Oral Documentation (Sejarah Lisan), Dr.Azree Ahmad yang telah memberikan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi segala segala tunjuk ajar kepada kami untuk meyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga lagi sekali di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya.

Encik Mohd Salihin bin Nik Wil, individu yang kami hormati dan setinggi-tinggi jutaan terima kasih kami ucapkan kerana kerjasama yang beliau berikan. Kami tidak mungkin akan dapat menghasilkan transkrip yang sebegini lengkap dan bernilai ini tanpa bantuannya darinya.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami di dalam menghasilkan projek transkrip temubual ini. Sekian terima kasih.

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH

MARZIANI BINTI MAT RANI

SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

SENARAI SINGKATAN PERKATAAN

MS	Mohd Salihin
NGO	Non Government Organization (Pertubuhan Bukan Kerajaan)
PDM	Pusat Daerah Mengundi
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SK	Sekolah Kebangsaan
JKR	Jabatan Kerja Raya
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
UMNO	United Malay Nation
PAS	Parti Islam Semalaysia
HKK	Hospital Kuala Krai
JPA	Jabatan Pertahanan Awam
RKB	Rumah Kekal Banjir

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

BIODATA

27 NOVEMBER 2016

**AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI**

1.0 BIODATA

1.1 BIODATA PENEMURAMAH



Nama: Azmiera Binti Sidi Hamzah

Alamat:

No. Telefon:

E-Mel:

Program: Ijazah Sarjana Muda Sains Perpustakaan (Kepujian)

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANTI BINTI MAT RANI

1.1.1 BIODATA PENEMURAMAH



Nama: Marzianti Binti Mat Rani

Alamat:

No. Telefon:

E-Mel:

Program: Ijazah Sarjana Muda Sains Perpustakaan (Kepujian)

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

1.2 BIODATA PENCERITA



Nama: Mohd Salihin Bin Nik Wil

Umur: 47 Tahun

Tarikh lahir: 14 Mei 1969

Tempat lahir: Hospital Kuala Krai

Alamat:

No telefon:

Status: BERKAHWIN

PENDIDIKAN

Sekolah Rendah di SK Banggol Guchil, Kuala Krai, Kelantan

Sekolah Menengah di SMK Sultan Yahya Petra 1, Kuala Krai, Kelantan

Mendapat Diploma Sains di Universiti Putra Malaysia pada tahun 1989

Mendapat ijazah sains pengurusan di Universiti Kebangsaan Malaysia

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

PENGENALAN

27 NOVEMBER 2016

**AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI**

2.0 PENGENALAN

Transkrip temubual bersama En. Mohd Salihin Bin Nik Wil telah dijalankan pada 27 November 2016 bertempat di Pejabat UMNO daerah Kuala Krai, Kelantan. Tujuan temubual ini dijalankan adalah untuk mengrtahui dengan lebih lanjut mengenai banjir yang melanda daerah Kuala Krai pada 24 Disember 2014.

Encik Mohd Salihin Bin Nik Wil telah dilahirkan di Hospital Kuala Krai, Kelantan pada tahun 1969. Beliau telah berkahwin dengan Rosliana Binti Abdul Muzir dan dikurniakan dengan empat orang cahaya mata.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Banggol Guchil, Kuala Krai, Kelantan. Seterusnya beliau menyambung pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Yahya Petra , Kuala Krai, Kelantan. Beliau juga menyambung pelajaran ke peringkat Universiti iaitu Diploma Sains di Universiti Putra Malaysia. Beliau juga memiliki ijazah dalam bidang Sains Pengurusan di Universiti Kebangsaan Malaysia.

Transkrip temubual ini dijalankan selama Empat Puluh Dua Minit Empat Belas Saat, penumpuan temubual ini lebih menjurus kepada bencana banjir yang melanda daerah Kuala Krai pada tahun 2014 iaitu di Manek Urai Kuala Krai, Kelantan. Sepanjang temubual ini dijalankan, beliau menceritakan pengalaman penduduk itu sendiri ketika menghadapi musibah banjir ini.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MOHD SALIHIN BIN NIK WIL MENGENAI BANJIR 2014 DI
DAERAH KUALA KRAI

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

KAJIAN LITERATUR

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

3.0 KAJIAN LITERATUR

Negeri Kelantan mempunyai penduduk seramai 1,539,601 orang di hubungkan secara jalan darat oleh jalan-jalan persekutuan yang diselia oleh Kementerian Kerja Raya (JKRIP) dan jalan negeri Oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan. Terdapat 10 jajahan di Kelantan di bawah seliaan Jurutera Jajahan masing-masing. Sungai Kelantan mempunyai keadaan geografi yang menghubungkan antara tiga (3) sungai iaitu Sungai Lebir, Sungai Nenggiri, Sungai Galas yang bertemu di Kemubu, Gua Musang dan bercantum dengan Sungai Kelantan di Tangga Krai dan akan berakhir di Laut China Selatan.

Banjir yang berlaku di Kelantan di anggap sebagai "tsunami kecil" yang melanda penduduk Kelantan khususnya di daerah Kuala Krai pada 24 Disember 2014. Banjir pada tahun tersebut lebih teruk berbanding pada tahun 1927 dan 1967 yang dianggap sejarah banjir yang paling teruk yang melanda Kuala Krai. Banjir besar yang berlaku pada kali ini banyak meninggalkan kesan terhadap penduduk, dimana ada penduduk yang kehilangan tempat tinggal dan harta benda.

Punca berlakunya kejadian banjir besar 2014 di Kelantan kerana hujan lebat yang berterusan selama 48 jam di kawasan Ulu Kelantan iaitu Gua Musang dan Kuala Krai yang menyebabkan penduduk mula bimbang apabila jajahan Gua Musang dilanda banjir besar mulai 22 December 2014. Banjir yang melanda hampir kesemua jajahan di Kelantan itu menyebabkan lebih 104,000 mangsa dipindahkan ke pusat pemindahan yang telah ditetapkan. Menurut jadual agihan rumah kekal mangsa banjir di Kelantan, daerah Kuala Krai yang paling ramai menerima rumah kekal banjir iaitu 1847 keluarga berbanding dengan daerah-daerah lain.

Menurut Tengku Azmi Tengku Jaafar, Ketua Jajahan Pejabat Tanah dan Jajahan Kuala Krai, beliau tidak pernah terfikir banjir yang disifatkannya sebagai paling buruk pernah dialaminya melanda kawasan seliaannya. Walau bagaimanapun, beliau memuji kecekalan semua pihak daripada jabatan dan agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta penduduk Kuala Krai begitu tabah menghadapi musibah banjir itu.

27 NOVEMBER 2016

**AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI**

Kebanyakan penduduk tidak ada pengalaman berhadapan banjir menyebabkan mereka tidak bersedia ketika melihat air naik menenggelamkan rumah. Kata beliau juga, tiga bulan selepas tragedi tersebut, Kuala Krai dilihat bangkit dan rakyat cuba berdiri semula untuk meneruskan kehidupan.

Bagi mengingati kejadian banjir yang melanda daerah Kuala Krai pada 24 Disember 2014 yang lalu kerajaan negeri membina sebuah Tugu Peringatan Banjir Kuala Krai. Tugu yang dibina di Guchil itu akan menjadi sumber maklumat bagaimana kesusahan penduduk menghadapi bencana bah kuning yang terbesar dalam sejarah banjir di negeri ini selain sebagai produk pelancongan.

Monumen itu juga secara tidak langsung sebagai tanda penghargaan kepada semua pihak termasuk kepada kerajaan Pusat, badan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta, orang perseorangan dan semua yang terbabit membantu mangsa banjir dan menjalankan program pemulihan banjir. Pembinaan tugu ini diharap menjadi satu kenangan peristiwa banjir besar yang dikenali sebagai bah kuning untuk selama-lamanya. Tugu ini juga lambang kerjasama semua pihak dan bukti keprihatinan rakyat Malaysia dalam membantu rakyat Kelantan ketika menghadapi musibah itu.

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

RINGKASAN TRANSKRIP

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

4.0 RINGKASAN TRANSKRIP

Kami Azmiera binti Sidi Hamzah dan Marzianti binti Mat Rani telah menemubual Encik Mohd Salihin bin Nik Wil yang merupakan seorang pentadbir mukim dun Guchil, Kuala Krai, Kelantan. Tempat kami menjalankan sesi temubual adalah bertempat di pejabat UMNO daerah Kuala Krai, Kelantan. Encik Mohd Salihin bin Nik Wil telah dilahirkan pada Empat Belas Mei Sembilan Belas Enam Puluh Sembilan di hospital Kuala Krai. Beliau telah berkahwin dan isterinya bernama Rosliana binti Abdul Muzir. Beliau mempunyai empat orang cahaya mata. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Banggol Guchil, Kuala Krai Kelantan dan menyambung pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Yahya Petra 1 Kuala Krai, Kelantan.

Temubual selama empat puluh dua minit empat belas saat adalah berkenaan dengan bencana banjir yang melanda daerah Kuala Krai, Kelantan pada Dua Puluh Empat disember Dua Ribu Empat Belas. Beliau menceritakan keadaan sebenar sepanjang bencana banjir berlaku. Pada masa yang sama juga beliau memberitahu paras air sungai melimpah ke darat dan ia menyebabkan air terus melimpah ke bandar Kuala Krai dan merebak ke seluruh kawasan-kawasan rendah ataupun tinggi di kawasan Kuala Krai. Selain daripada itu, beliau juga memberitahu bahawa kawasan yang mula-mula terkena banjir ialah kawasan Manek Urai.

Sepanjang sesi temubual rakaman kami adalah sangat baik walaupun terdapat sedikit gangguan dari segi bunyi yang tidak dapat dielakkan. Ini berlaku kerana tempat menemubual Encik Salihin bertempat di pejabat UMNO yang mana ramai orang datang untuk berjumpa dengan beliau. Walaupun begitu, kesemua maklumat penting mengenai banjir yang berlaku di Manek Urai dan di daerah Kuala Krai dapat direkod dan ditranskrip dengan jayanya.

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

TRANSKRIP TEMUBUAL

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

4.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

Berikut adalah sesi temubual antara Azmiera Binti Sidi Hamzah dan Marzianti Binti Mat Rani bersama Encik Mohd Salihin Bin Nik Wil mengenai bencana banjir yang melanda daerah Kuala Krai pada 2014. Temubual ini dijalankan di pejabat UMNO daerah Kuala Krai pada 27 November 2016.

- Marzianti** **Okey.**
- MS** (batuk) batuk boleh kan? Okey *start* [mula]
- Marzianti** **Assalamualaikum Encik, saya Marzianti Mat Rani**
- Azmiera** **Saya Azmiera binti Sidi Hamzah**
- Marzianti** **Kami pelajar dari UiTM Kedah. Terima kasih atas kesediaan Encik meluangkan masa bersama kami untuk berkongsi cerita mengenai bencana banjir yang melanda Kuala Krai pada tahun 2014.**
- MS** Waalaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih kerana sudi datang ke pejabat UMNO.. untuk berkongsi cerita mengenai banjir yang berlaku di Kuala Krai pada tahun 2014, apa-apa hal yang boleh saya bantu?
- Marzianti** **Sebelum saya bertanya dengan lebih lanjut, bolehkah Encik memperkenalkan diri Encik terlebih dahulu, termasuk nama, umur, tarikh lahir, tempat lahir, pekerjaan, status, nama isteri, bilangan anak dan alamat tempat tinggal Encik.**
- MS** Emph...emph..emph.. nama saya (nada ketawa) Salihin bin Nik Wil. Saya ialah pentadbir mukim bagi Dun Guchil ataupun dipanggil jugak penggawa dan saya juga ialah setiausaha kerja UMNO bahagian

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

Kuala Krai, errr...umur saya empat puluh tujuh tahun, lahir pada empat belas lima lima.. Mei enam puluh sembilan, lahir di Kuala Krai, sudah berkahwin dengan Rosliana binti Abdul Muzir, mempunyai empat orang anak. Saya tinggal di.. Guchil Kuala Krai Kelantan.

Marzianti

Berbalik kepada tujuan asal temubual ini dijalankan adalah untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai 'bah kuning' yang melanda daerah Kuala Krai. Bolehkah Encik beritahu kami bila bencana ini berlaku. (maksud saya tarikh kejadian banjir)

MS

Err..sebenarnya banjir yang betul-betul besar yang kita panggil tsunami darat itu berlaku pada.. dua puluh empat disember dua ribu empat belas, tetapi dua tiga hari sebelum itu pun bermula pada dua puluh dua, dua puluh, dua puluh satu, dua puluh dua telah berlaku banjir di..di daerah Kuala Krai lah.. cuma banjir besarnya berlaku pada diser.err..dua puluh empat Disember, dua ribu empat belas.
(bunyi helaian kertas diselak)

Marzianti

Bagaimana kejadian banjir ini berlaku? Adakah secara mengejut atau perlahan lahan?

MS

er..pada awalnya kita menjangkakan banjir ini bercorak banjir biasa lah.. sebab ia berlaku pada bulan yang biasa dan jugak secara biasa, maksudnya secara perlahan lahan, tetapi entah macam mana pada dua puluh empat hari bulan tu hujan yang lebat disamping dengan kenaikan air.. paras sungai melimpah ke darat menyebabkan ia naik melimpah terus ke bandar Kuala Krai dan merebak ke seluruh..er..kawasan-kawasan rendah ataupun tinggi di kawasan Kuala Krai. (bunyi helaian kertas diselak)

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

Marzianti Adakah cerita yang telah digembar gemburkan dimana banjir ini berlaku adalah disebabkan air yang telah dilepaskan dari empangan, betul atau tidak?

MS Sebenarnya cerita ini ada betul ada salah. Cuma kalau kita fikir secara logik, kalau empangan itu penuh dan air tidak dilepaskan daripada empangan, empangan itu akan pecah, apabila aaa..empangan itu pecah, ia akan menyebabkan banjir secara mengejut, jadi.. dua tiga hari sebelum dua puluh empat Disember itu pun, pihak pengurusan, saya pun diberi.. khabar je lah, kita pun tidak ada hitam putih benda ini, tapi secara logik kita fikir, mereka telah mula melepaskan air empangan sebab kalau tak lepas empangan itu akan pecah maka menyebabkan banjir yang lebih teruk..dan.. selepas ia lepas air itu.. kita pun tidak jangka lah hujan tak berhenti jadi bila ia lepas sikit.. sikit.. sikit.. masih lagi memenuhi empangan..haaa.. jadi empangan itu jatuh melalui sungai naik ke darat lah.

Marzianti Adakah bencana banjir ini berlaku kerana fenomena air pasang ataupun kesan pembangunan?

MS Fenomena air pasang tidak berlaku disini tapi kalau kesan pembangunan betul lah, sebab banyak hutan-hutan...hutan, hutan simpan kita di.. sebelah hulu Kelantan sana telah di...di..dipotong untuk pengeluaran balak, apabila hutan dipotong, ia telah me..me..melajukan lagi pergerakan air daripada atas ke bawah, mak..maksudnya..aaa...hakistan, lumpur, sekali dengan bah kuning, lepas itu akar-akar pokok yang telah tiada.. telah menyebabkan lagi.. proses banjir ini berlaku dengan begitu cepat dan begitu kuat. Ya.. saya setuju lah dengan kesan pembangunan ini, terutama sekali pembalakan dan tanpa kawalan di.. pedalaman Kelantan.

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

- Marzianti** **Okey,kawasan atau kampung manakah yang dilanda banjir itu?**
- MS** Kalau di parlimen Kuala Krai, kawasan yang mula-mula terjejasnya ialah kawasan Manek Urai.. iaitu ma.. Manek Urai lama dan Manek Urai baru, ini saya sebut mula-mula terjejas kemudian bah ini ia melanda ke kawasan sebelah hilir Manek Urai ia masuk ke..kepada Guchil, kampung Tualang, Aur Duri, err.....Sungai Durian, merebak ke.. Dun Mengkebang iaitu di Sungai Durian, di kampung Sedek..tapi yang paling besar paling jelas sekali berlaku di..Guchil dan Manek Urai.
- Marzianti** **Emm..Selain itu, setahu saya ,hampir kesemua kawasan di daerah Kuala Krai ini terputus bekalan elektrik dan air. Dalam tempoh berapa lama mangsa banjir ini menghadapi kesulitan ini?**
- MS** er..kalau di..di Manek Urai..di Manek Urai itu.. bermula daripada banjir.. iaitu dua puluh haribulan lagi.. sehinggalah dua minggu selepas itu, dua puluh haribulan, dua puluh satu,dua puluh dua,dua puluh tiga, dua puluh empat kita bah besar, selepas dua puluh empat haribulan itu kita ambik masa (telefon berdering) dua minggu untuk..dua minggu untuk baik kembali kepada bekalan elektrik dan air, maksudnya tiga minggu lah..di..diorang tak ada air itu .errr.....aii..saya rasa dal..kalau dicampur dengan proses masa banjir itu rasa dekat dekat dengan tiga minggu...aaa elektrik dan air.

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

Marzianti Okey, Selain daripada terputus bekalan elektrik dan air, bagaimana pula dengan alatan telekomunikasi, contohnya panggilan telefon, adakah sepanjang bencana banjir berlaku, komunikasi juga terputus?

MS Err..bermula pada dua puluh empat Disember itu... dua puluh empat Disember itu, kami di..kami ini mangsa banjir, sebab saya pun merupakan mangsa banjir juga. Kami di Manek Urai dan kami di Guchil, mangsa banjir ini, kita tidak tahu apa yang berlaku disekeliling, kita tidak tahu, kita tidak tahu.. di..Manek Urai ada.. mangsa terperangkap dalam bangunan empat tingkat, kita pun tidak tahu di.. S..MK Sungai Durian itu ada mangsa terperangkap dalam bangunan..dan..dan saya selaku.. pentadbir mukim pun saya tidak tahu juga anak mukim saya ini semuanya telah terkepung di Guchil..sebabnya..pertama sekali *line* [liputan]..*network* [rangkaian] dah tiada..tiada..tiada.. komunikasi, tiada *line* [liputan], yang keduanya tak boleh nak cas dah telefon...aaaa..awal-awal, ia ada *line* [liputan] tapi kita nak cas tak boleh, kita cuba cas dengan bateri kereta..masuk hari kedua bateri habis jadi memang kita *totally* [sepenuhnya] tidak tahu apa benda yang berlaku...okey

Marzianti Okey, Berapa lama tempoh komunikasi terputus hubungan ?

MS Komunikasi...terputus semasa dan selepas tetapi kita ambik yang paling getir sekali semasa.. semasa ini, dua puluh empat, dua puluh lima, dua puluh enam, dua puluh tujuh itu.. itu..pada masa itu kita kritikal dan kita kelaparanlah masa itu dan masa itu terputus dan selepas dua puluh enam itu, bila air dah beransur surut pun, komunikasi masih lagi terputus ...sehinggalah beberapa hari kemudian adalah..aaa..walaupun tiada net..apa internet boleh lah *calling-calling* [telefon-telefon] yang biasa.

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

Marzianti Dengan terputusnya alatan komunikasi ini, bagaimana mangsa banjir berhubung dengan ahli keluarganya yang lain?

MS Memang tiada cara nak berhubunglah kecuali kalau kita rasa bimbang kepada nnn.. dengan rumah mak kita ke rumah kita ke..kita kena cari usahalah, cari perahu pergi tengok, pergi melawat mak masa dua tiga hari itu lah.. dan saya sendiri pun ada pengalaman mak saya juga, daripada Guchil ke Hospital Kuala Krai ini, dia menggunakan... dua kenderaan, pertama sekali naik lori..mengharung air..lepas itu naik *motorboat* [sampan berenjin], daripada.. Guchil jugak ke Hospital Kuala Krai, yang jugak ditenggelami air....dan itu pengalaman saya (pesanan mesej berbunyi).

Marzianti Seterusnya, bagaimana pula dengan keadaan di bandar Kuala Krai itu sendiri, adakah kesemua bangunan-bangunan yang ada di bandar ini tenggelam?

MS Err...semasa kemuncak banjir itu dua puluh empat dan dua puluh lima Disember itu, saya boleh katakan sembilan puluh peratus bandar Kuala Krai tenggelam dan kehidupan kami lumpuh lah, memang tak boleh buat semua, bank tenggelam, pejabat saya pun tenggelam, pasar raya tenggelam dan pasar raya juga telah berlaku.. pencerobohan lah.. apa kita panggil..? (nada soalan) err.. aksi pecah pintu kita panggil apa? (nada soalan) apa.

.Azmiera Pecah masuk

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

MS kupil kupil..aaa...pecah ma.. ia ada istilah..aaa.. tak apa lah..aaa.. itu berlaku di kesemua pasar raya di seven elevan di kawasan Kuala Krai sebab masyarakat lapar..kita..kedai tak jual, stok dekat rumah habis, pasar raya tak berniaga jadi kita..bukan kita..(nada ketawa) mereka ambik peluang semasa banjir itu, datang tengah malam dengan perahu, kopak pintu masuk, ambik makanan lah..dan.aa...saya difahamkan juga pihak pengurusan pasar raya pun tak..tak mengenakan dakwaan kepada mangsa-mangsa ini.

Marzianti Dari apa yang Encik katakan sebentar tadi, adakah bangunan-bangunan seperti hospital dan pasaraya juga turut terlibat?

MS soalan nombor berapa ni? tiga belas..saya jawab yang mana tadi.. yang itu..saya rasa saya dah jawab tadi..psar raya semua terlibat.. hospital ni walaupun hospital tak tenggelam sebab hospital Kuala Krai ini satu satunya hospital di Kelantan yang berada di atas bukit.. jadi bekalan elektrik bekalan air di hospital ini di..di..ditanggung terus oleh Kementerian dan dibantu oleh Kementerian Pertahanan selain daripada laporan terus Menteri Kesihatan pada hari itu..Kementerian Pertahanan pun memberi..fokus utama kepada Hospital Kuala Krai kerana air..air..kalaulah hujan dua hari lagi..dijangka hospital Kuala Krai pun tenggelamlah hari..hari banjir tersebut.

Marzianti Bagaimana dengan paras air di kesemua bangunan ini, adakah ia tenggelam hampir keseluruhan bangunan?

MS Bangunan pejabat UMNO ke? ni..bangunan ini? (nada soalan)

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANTI BINTI MAT RANI

Marzianti

Seluruh..seluruh

MS

Kuala Krai? ada..kalau bangunan itu berada di kawasan..err..lembah..rendah..ia tenggelam keseluruhan bangunan tetapi di bandar Kuala Krai ini seratus peratus bangunannya..err..tenggelam separuh, maksudnya kalau dua tingkat, tingkat atas kediaman, tingkat atas saja yang selamat.

Marzianti

Berapa lama tempoh air (bunyi alat kawalan jauh pendingin hawa ditekan) banjir untuk surut bagi sesetengah kawasan?

MS

Kalau Manek Urai itu, ia..ia lambat sikit sebab ia..ia..ia begini...ia..ia air di Manek Urai...betullah selepas dua puluh lima tu kita tak hujan dah..kita nak..nak *clear* [bersih] air itu lambat sebabnya air penuh.. jadi air Manek Urai ia turun datang balik ke bandar krai..Kuala Krai ..air Kuala Krai ia pergi ke sungai, jadi berapa lama ini susah nak jawablah di sesetengah kawasan ini sebab walaupun hujan tak..habis dah dua hari tu, kami di Guchil ni masih lagi terkepung tak boleh keluar lagi..sebab padahal hujan dah *stop* [berhenti] dua hari dah..matahari dah keluar dah..tapi air tak surut lagi.

Marzianti

Seperti yang tersiar dalam media massa sebelum ini, bandar Kuala Krai mengalami kerosakan yang sangat teruk akibat bencana banjir, untuk membangunkan semula bandar Kuala Krai ini, adakah ia mengambil masa yang sangat lama?

MS

(berdehem) ini subjektif la jugak soalan sebab sangat lama ataupun lama itu berapa skema bulan yang awak tak..bagi tapi tak apa, err..selepas banjir.. bandar Kuala Krai ini macam orang kata macam bandar zombie lah sebab lumpur ini sampai lima enam kaki dalam

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

semua kedai..atas jalan raya ini ada bangkai binatang, anjing mati, kucing mati bahkan ada lembu kambing mati pun atas jalan.. di samping kereta berpuluh puluh biji kereta yang rosak disamping jugak err..najis..najis-najis daripada bangkai.. Membangunkan semula ini subjektif sikit soalan ini kalau ditanya membersih bandar itu saya boleh jawab.. mengambil masa dua minggu nak bersih bandar sahaja, jadi kalau nak membangunkan semula ini, bank.. beroperasi..tidak beroperasi tak silap saya lebih kurang selama sebulan di Kuala Krai.. Jadi kami di Kuala Krai ini terpaksa pergi ke bandar terdekat seperti Machang untuk urusan—urusan bank dan aa...pejabat Tenaga Nasional baru sahaja beroperasi di kawasan baru baru sahaja bermaksud tahun ini lah sebab err bank.. lima biji, empat, lima biji bank semua telah berpindah dari tapak asal dan proses pemindahan ini mengambil masa, jadi bila bank tidak berfungsi, pembangunan *slow* [perlahan] memang *slow* [perlahan] lah, lepas itu pasar raya..ini..ini.. pasar Krai.. pasar Krai ini pasar kering pasar basah ini tempat..tempat tumpuan kita membeli belah makanan dapur pun, err.. rosak teruk..dibangunkan semula oleh NGO dan kerajaan negeri dan kerajaan pusat yang itu sahaja mengambil masa dekat dekat empat bulan untuk pulih..bukan seperti asal..untuk boleh berniaga sebab ia punya..ia punya kesan banjir itu susah nak..nak..nak dibersihkan terutama sekali lumpur yang berbau busuk..aa..bila..ia dah (telefon berdering) keluar dah lumpur tapi ia masih berbau macam susah nak cakap lah ia macam hanyir lumpur tu..aa..jadi nak bersih pun tak boleh guna bersih dengan baldi tak boleh kena guna..kena mintak bantuan bomba..bermakna ini cerita betullah ini, kita kena guna *waterjet* [pam air] dan bomba banyak membantu kami lah dalam membersihkan bandar Kuala Krai ini.

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

Marzianti **Boleh Encik bagitahu berapa anggaran jumlah penduduk yang terlibat dengan banjir bagi seluruh daerah Kuala Krai?**

MS Terlibat dari segi terkepung..ataupun terlibat..terlibat daripada segi rumah dia runtuh ataupun rumah dia rosak makna saya kira semuanya adalah mangsa banjir...mangsa banjir ini..angka saya nak bagi ini besar juga, sebab ini terlibat ini ia macam terkepung lah kami mangsa banjir lah kan, (menyandar dikerusi) (mengeluh) Guchil sahaja..Guchil..macam ni, kita bagi contoh..ish besar angka ini (pesanan mesej berbunyi)

Marzianti **Besar**

MS Besar..saya rasa tiga puluh, empat puluh ribu lah..yang terjejas semasa banjir sebab kami terkepung, kami terputus juga hubungan luar kami memang memang mangsa lah kalau *you* [awak] panggil itu mangsa, er.. sebab kita ada..dua..dua..dua kawasan yang betul betul berada di seberang sungai iaitu kampung Bahagia..kampung..Bekok, kampung..ehh..kampung Sungai Limau yang berada di seberang sungai sebelah Kuala Krai.. dan satu lagi kampung Takung.. kampung Takung juga berada di seberang sungai.. Penduduknya dalam sekitar..tiga ribu penduduk dan satu lagi kampung Pasir Kelang.. Pasir Kelang ini berada diseberang sungai juga iaitu berhampiran dengan Kuala Nal dalam Dun Mengkebang.. penduduknya pun lebih kurang tiga empat ribu orang juga, jadi kalau dikatakan siapa yang terlibat sebagai mangsa banjir..saya rasa lebih dari separuh populasi.. penduduk Kuala Krai lah ialah mangsa banjir.

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANTI BINTI MAT RANI

Marzianti **Emm, Berapa banyak pusat pemindahan dibuka untuk mangsa banjir?**

MS Semasa banjir biasa.. kita ada.. kita buka pusat pemindahan banjir yang berdaftar dengan JKM... yang mengikut Dun.. kalau err..sepuluh, dua puluh..sekarang Kuala Krai ini termasuk Dabong ye..Dabong ialah Kuala Krai..k alau dicampur em.. empat Dun, Dabong, Manek Urai, Guchil dan Mengkebang..pusat pemindahan ini berjumlah dekat-dekat lima puluh ke enam puluh tempat, tetapi apabila banjir besar berlaku.. pusat pemindahan banjir ini ia makin bertambah iaitu di puncak gunung..di kaki kaki lima bangunan tinggi..ia..ia..banyak yang tak *gazette* [daftar nama tempat] lah..tetapi kita *gazette* [daftar nama tempat] semasa proses bantuan dihantar dengan helikopter.

Marzianti **Di kawasan manakah pusat pemindahan ini dibuka?**

MS Nombor berapa?

Marzianti **sembilan belas.**

MS Di kawasan manakah pusat..ohh, pada rancangan awalnya..pada banjir biasa pusat pusat pemindahan ini kita buka di kawasan tinggi, di kawasan sekolah..dan di kawasan yang telah kita *gazette* [daftar nama tempat] semasa...sebelum bah besar..itu ialah pusat pemindahan biasa.

Marzianti **Untuk soalan seterusnya, kami ingin fokuskan berkaitan banjir di kawasan Manek Urai. Seperti yang kita tahu, kawasan tersebut adalah kawasan yang paling teruk dilanda banjir.**

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

- Marzianti** **Soalan pertama ialah penduduk sudah dimaklumkan ataupun tidak berkaitan banjir yang akan berlaku?**
- MS **Sebenarnya bagi penduduk penduduk di kawasan yang selalu dinaiki air..err..mereka dah tahu dah.. masuk bulan, err.. November itu akan berlaku banjir, cuma kali ini kita tidak tahu.. bukan kali ini..pada tahun berkenaan itu kita tidak tahu yang banjir ini akan berlaku begini besar sekali.**
- Marzianti** **Semasa kejadian bencana ini berlaku, dimana para penduduk Manek Urai telah menyelamatkan diri?**
- MS **Emm....semasa banjir biasa, mereka berada di pusat pusat pemindahan banjir yang telah kita wartakan kepada mereka iaitu di.. sekolah sekolah di sekitar Manek Urai tetapi apabila banjir ini berlaku mereka masih berada di tempat yang sama cuma mereka pindah ke tingkat empat bangunan sekolah berkenaan yang mana itu merupakan kawasan tertinggi yang mereka boleh capai dan air naik pada sebelah malamnya begitu cepat sekali.**
- Marzianti** **Di sekitar Manek Urai, berapa banyak pusat pemindahan dibuka untuk mangsa banjir?**
- MS **Di Manek Urai ini ada dua..dua..dua penempatan sebenarnya..Manek Urai Lama dan Manek Urai Baru..err..pada bi..musim biasa, ada satu di Manek Urai Lama dan ada satu di Manek Urai Baru tapi dalam kes hari itu yang di Manek Urai Baru ia naik ke bangunan sekolah yang Manek Urai Lama mereka lari ke tempat tinggi di dalam kebun kebun getah.**

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

- Marzianti** **Seperti yang kita tahu, Manek Urai terbahagi kepada dua iaitu Manek Urai lama dan Manek Urai baru, adakah jambatan yang menghubungkan antara Manek Urai baru dan lama juga terputus?**
- MS Ya..ya...jambatan itu terputus.
- Marzianti** **Berapakah jarak antara kg Manek Urai lama dan Manek Urai baru?**
- MS Satu setengah kilo.
- Azmiera** **Berapakah anggaran bilangan penduduk di kg Manek Urai lama dan Manek Urai baru?**
- MS Anggaran penduduk Manek Urai Lama dan Manek Urai Baru ni dia di dua kawasan ni dia ada dari segi geografi politiknya dia ada dua PDM maksud dua Pusat Daerah Mengundi yang mana kalau satu tempat itu dia ada pusat daerah mengundi yang sendiri dia mempunyai bilangan penduduk yang agak ramai lah errr bilangannya lebih kurang sama kita letak dalam dua ke dua ribu setengah untuk setiap Manek Urai Baru ataupun Manek Urai Lama. Dua ribu ke dua ribu setengah.

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

Azmiera **Sepanjang tempoh kawasan Manek Urai dinaiki air, bagaimana dengan bekalan makanan untuk mangsa banjir, adakah ia mencukupi?**

MS lanya lebih daripada tidak mencukupi sebenarnya errrr sebab penduduk utama sekalnya penduduk tidak mempunyai stok makanan untuk tempoh yang begitu lama kerana kita tidak menjangka banjirnya begitu besar, dan yang keduanya kita tiada tempat untuk mendapatkan makanan sama ada kedai ke ataupun daripada JKM iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat sendiri pun tidak dapat beroperasi (telefon berdering) di sana. Cuma bekalan yang.. yang sampai daripada...daripada Unit-unit Angkatan (pesanan mesej berbunyi) Tentera Malaysia yang membuat aarrrr *drop* [membuang], buang daripada udara iaitu makanan asas ikan kering, sardin dan beras (telefon berdering).

Azmiera **Apakah bekalan yang disalurkan untuk mereka?**

MS bekalan yang disalurkan untuk mereka (bunyi helaian kertas diselak) pada masa berkenaan ialah makanan asas iaitu beras, sardin dan ikan masin.... telur sekali.

Azmiera **Agensi manakah yang banyak membantu bagi menyalurkan bantuan untuk mangsa banjir ini?**

MS errr dalam keadaan biasa agensi yang terlibat secara langsung ialah JKM, tetapi semasa banjir besar baru-baru ini agensi yang terlibat secara langsung dan secara serius ialah Angkatan Tentera Malaysia dan kita menerima kunjungan daripada Panglima Angkatan Tentera Malaysia sendirilah lah yang tidur di sana tidak silap saya satu malam

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

untuk memantau operasi membekalkan bantuan terutama sekali di Manek Urai Lama.

Azmiera **Seterusnya Encik, bagaimana bekalan bantuan ini disalurkan, sedangkan paras air berada di tahap yang bahaya?**

MS Haa mereka menggunakan err helikopter daripada NGO dan juga daripada Angkatan Tentera.

Azmiera **Sudah pasti akan ada mangsa banjir yang tercicir dari mendapatkan bekalan bantuan. Bagaimana men..reka menghadapi kesulitan ini ?**

MS Mereka yang tercicir ini biasanya semasa bah besar itu mereka berada di dalam, di atas puncak-puncak bukit di dalam kebun getah. Jadi tiada jalan lain selain daripada keluar memohon bantuan daripada mereka yang berada di... di sekolah dan juga selain daripada itu mereka terpaksa arr saya difahamkan mereka makan putik, putik buah mangga. Dan juga meminum air hujan yang ditadah menggunakan daun-daun hujan didalam kebun getah.

Azmiera **Bagi bekalan bantuan untuk mangsa banjir, adakah ada sesetengah pihak yang mengambil lebih bantuan tersebut seperti bekalan makanan, pakaian dan keperluan peribadi?**

MS errr memang lah, benda ini benda biasa lah yang berlaku di mana-mana lah terutama sekali apabila kita mempunyai anak-anak yang ramai kita akan lebih... akan lebih terjurus untuk memberi keselesaan kepada keluarga kita sendiri erkk, jadi bekalan makanan ini selepas suami ambil isteri pun mengambil juga ataupun anak yang besar pergi ambil juga. Dan ada tempat itu berlaku pergaduhan, pertelingkaian

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

(pertelingkahan) mulut lah. Masalah dengan makanan ini memang kita terlebih mak.. errr bukan terlebih, pakaian tadi itu kita terlebih pakaian sebenarnya. Pakaian banyak dihantar dalam bentuk *bundle* [bungkusan] dan guni dan errr walaupun ia masa hantar itu disusun dengan baik pakaian itu mengikut jantina, mengikut jenis kain tetapi apabila dibuka di pusat-pusat itu ia akan menjadi berterabur lah sebab masing-masing hendak mencari yang pakaian cantik dan terbaik untuk keluarga masing-masing dan kesudahannya pakaian itu menjadi alas kaki.

Azmiera : Soalan seterusnya, semasa paras air meningkat, ada atau tidak mangsa yang terperangkap di dalam rumah?

MS : Ada.. ada.. ada mangsa yang terperangkap tetapi alhamdulillah kehilangan nyawa nya kosong. Kehilangan nyawa akibat banjir di Kuala Krai hari itu sama ada di Manek Urai apa.. ataupun Guchil kosong. Sebab armm yang terpe (telefon berdering) terperangkap itu mereka telah berjaya diselamatkan sama ada oleh orang-orang kampung ataupun pasukan keselamatan.

MS : *Okay i have to answer this* [okey, saya perlu menjawab panggilan ini].
Hello....

Azmiera : (bunyi pintu) Badan beruniform mana

MS : Nombor berapa (nada soalan)

Azmiera : Badan beruniform manakah yang terlibat dalam operasi menyelamatkan mangsa banjir tersebut?

MS : Banyak badan ber.. ber.. beruniform yang terlibat antaranya ia..

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

- Azmiera** : **(kejap-kejap sambil memeriksa perakam suara di telefon)**
- MS : ermm.. nak *start* [mula] balik ke? (nada soalan)
- Azmiera** : **tidak-tidak**
- MS : antaranya ialah JPA.. JPA ni Pertahanan Awam lah, RELA disamping (bunyi pintu) yang paling banyak sekali bilangannya ialah NGO-NGO yang namanya tidak dapat saya sebutkan disini lah sebab terlalu banyak. Operasi menyelamatkan mangsa banjir ini disamping operasi memberi bantuan, disamping pasukan daripada parti-parti politik termasuklah UMNO, PAS semuanya terlibat dalam usaha membantu mangsa-mangsa banjir ini.
- Azmiera** : **Adakah ada penduduk di kg Manek Urai mengalami sakit yang kritikal?**
- MS : Kalau kita nak cakap sakit yang kritikal sss akibat banjir ke? (nada soalan)
- Azmiera** : **haah.**
- MS : Tiada
- Azmiera** : **tiada**
- MS : cuma, ada sesetengah kes berlaku di Guchil yang mana penghidap kencing manis apabila dalam proses membersihkan ku.. membersihkan rumah itu mengalami luka rrr, dan luka itu terkena lumpur akibat banjir pesakit itu mengalami.. perlu dirawat secara serius. Selepas itu ada kes dua orang telah meninggal akibat kencing manisnya berdarah sewaktu operasi membersihkan rumah iaitu terkena lumpur-lumpur. Lumpur itu tadi yang lain daripada biasa lah berbau busuk.

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

Azmiera : Bagaimana pesakit ini diberi rawatan?

MS : err selepas banjir itu kita telah adakan pusat-pusat rawatan bergerak dengan kerjasama Hospital Kuala Krai disamping JPA dan RELA pun mendirikan pondok-pondok untuk rawatan rr kesihatan disamping NGO terutama sekali di kawasan Manek Urai Lama dan Manek Urai Baru kerana dua kawasan ini jauh dari bandar sikit.

Azmiera : okey

MS : Macam di Guchil ini, seminggu selepas ini operasi di HKK pun telah berjalan dengan lancar dan tidak menghadapi masalah besar lah rawatan kepada pesakit ini.

Azmiera : Selain daripada itu, berapa ramai mangsa yang kehilangan tempat tinggal?

MS : Mangsa yang kehilangan tempat tinggal ini (berfikir) kalau di Manek Urai lebih kurang dalam lima ratus mangsa. Dan di Guchil lebih kurang angka yang sama, ini maksudnya kalau lima ratus itu, lima ratus keluarga lah. Cuma nya di Manek Urai itu ia lebih kepada keluarga yang tid.. yang bukan rakyat Malaysia iaitu penoreh-penoreh getah yang berasal daripada Thailand dan mereka tinggal d..(pesanan mesej berbunyi) Walaupun rumah kongsi tetapi mereka mempunyai keluarga yang juga tidak mempunyai taraf arr penduduklah. Jadi kalau dikira sekali itu dalam sekitar lima ratus keluarga lah di Manek Urai itu. Tetapi keseluruhan parlimen Kuala Krai yang kita *register* [daftar] kehilangan tempat tinggal dalam satu ribu ke dua ribu lah dekat-dekat, hampir dua ribu keluarga.

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

Azmiera : Bagi mangsa-mangsa yang kehilangan tempat tinggal, adakah mereka diberi pampasan seperti pembinaan rumah baru, elaun dan keperluan lain-lain?

MS : Arrr elaun khas banjir kita beri sebanyak Lima Ratus ringgit untuk setiap keluarga sama ada mereka arr rumah mereka runtuh, rosak ataupun mereka terperangkap semasa banjir itu arr kerajaan telah bagi elaun sebanyak elaun suguhati Lima Ratus ringgit untuk satu keluarga (Minum air). Pembinaan rumah baru pula arr disamping dibantu oleh agensi kerajaan pusat mereka juga dibantu oleh kerajaan negeri dan NGO-NGO dari seluruh Malaysia. Err.. yang bantuan kerajaan mereka hendaklah memenuhi syarat-syarat yang kita tetapkan lah, err.. iaitu antara syarat-syaratnya ialah mereka hendaklah warga negara kita dan kalau mereka tidak mempunyai tanah untuk dibina rumah banjir yang bernilai Enam Puluh Lima Ribu kerajaan menyediakan tapak, maksudnya tanah itu pun kerajaan arr bayar rumah pun kerajaan bayar ini yang kerajaan pusat. Yang kerajaan negeri pula melalui agensi-agensi politik daripada Selangor, daripada Terengganu. Mereka juga membina rumah-rumah penempatan baru tetapi tidaklah.. tidaklah secantik ataupun sesempurna rumah yang di bina oleh kerajaan persekutuan. Bilangan rumah itu sehingga hari ini kerajaan pusat telah menyeli... menyiapkan sebanyak Lapan ratus.. Lapan ratus unit rumah kita panggil (R... R.. rumah baru kekal banjir) RBK kita punya *short form* [ringkasan] Rumah Baru Kekal Banjir sebanyak lapan ratus unit yang mana telah di bina di atas tanah persendirian kalau mangsa itu ada tanah.

Azmiera : Okey

MS : bagi mangsa yang tiada tanah kerajaan telah memberi arr rumah berkelompok (bunyi pintu)

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

MS : Okey (menyelak kertas)

Azmiera : Seper..

MS : Seperti (ulang soalan)

Azmiera : Seperti yang kita tahu di Manek Urai, terdapat sebuah sekolah, adakah sekolah di Manek Urai itu juga dinaiki air?

MS : Di Manek Urai sebenarnya ada dua sekolah, satu sekolah rendah, satu sekolah menengah. Errr... sekolah rendah itu yang jadi isu semasa banjir hari itu sekolah rendah berkenaan lah, sebab sekolah rendah itu pada awalnya telah dijadikan pusat pemindahan banjir dan mereka telah... telah apa orang kata ni berpindah randah daripada tingkat satu ke tingkat dua ke tingkat tiga akibat air yang naik.

Azmiera : Bangunan SK Manek Urai lama mempunyai berapa tingkat?

MS : Haa sekolah.. bangunan itu mempunyai empat tingkat

Azmiera & Marzianti: Empat tingkat

Azmiera : Adakah sekolah itu dapat menampung kesemua bilangan penduduk Manek Urai?

MS : Haa sekolah itu tidak dapat menampung. Kalau banjir biasa perkarangan sekolah itu sudah lebih dari cukup untuk menampung bilangan penduduk Manek Urai, tetapi dalam kes banjir besar dua ribu empat belas hari itu air telah memenuhi perkarangan sekolah. Jadi penduduk kampung ini terpaksa memasuki bilik-bilik darjah di dalam tingkat-tingkat berkaitan. Jadi memang padat lah dan ada juga yang ambil... yang tidak selesa berada di sana terutamanya yang ada

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

anak-anak kecil mereka memilih untuk berada di dalam kebun-kebun getah. (bunyi pengumuman)

Azmiera : Adakah kesemua penduduk Manek Urai telah menyelamatkan diri di sekolah itu?

MS : Hendak kata semua tidak semua juga cumanya yang tadi lah yang ada... yang ada apa.. yang mempunyai perahu ke ataupun yang sempat buat rakit ke apa ke mereka memilih untuk berada di tempat-tempat tinggi, tetapi di dalam kawasan ber err berdekatan sebabnya mereka tahu, tahu jauh dari kawasan itu mereka tidak akan mendapat bekalan makanan.

Azmiera : Selain dari sekolah SK Manek Urai, dimana lagi kawasan penduduk Manek Urai pergi menyelamatkan diri?

MS : Selain daripada sekolah itu, mereka errr mereka masuk ke dalam kebun-kebun getah yang di kawasan berbukit, mereka mendirikan khemah dan ada... ada itu kira duduk di bawah pokok lah, tidak ada khemah-khemah sebab tidak sempat hendak membuat peneduh.

Azmiera : Seperti yang kita tahu, SK Manek Urai mengalami kerugian yang sangat teruk, berapakah anggaran kerugian sekolah tersebut?

MS : Kerugian SK Manek Urai ini daripada segi peralatan, peralatan-peralatan sekolah seperti komputer dan juga apa orang kata kecacatan sementara akibat kesan lumpur dan kita *check* [semak] dengan PPD dan mereka membuat tafsiran SK Manek Urai ini kerugiannya kalau campur dengan alat-alat semua peralatan sekolah sekitar sepuluh ribu lah.

Azmiera : seratus ribu

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

Azmiera : Berapa lama tempoh yang diambil untuk membersihkan sekolah tersebut?

MS : Untuk membersihkan sekolah Manek Urai mengambil masa, sebabnya lumpur dia nya lumpur... dan juga kesan-kesan banjir itu termasuklah ranting kayu, batang kayu err itu memenuhi hampir seratus peratus kawasan sekolah dan kawasan padang sekolah (pesanan mesej berbunyi). Saya rasa err.. minggu pada hari seminggu pertama mereka hanya mengeluarkan barang-barang besar sahaja daripada kawasan sekolah. Minggu kedua termasuklah proses menggunakan *waterjet* [pam air] untuk buang lumpur dan semuanya. Saya rasa hari itu kita mengambil masa dekat-dekat sebulan jugalah untuk mengembalikan sekolah bukan dalam keadaan asal tetapi untuk boleh diguna pakai untuk persekolahan.

Azmiera : Pada waktu banjir tersebut berlaku, adakah bantuan seperti bantuan perubatan disalurkan untuk para penduduk di Manek Urai?

MS : Pada waktu banjir itu, pada banjir besar itu memanglah kita tidak boleh hendak masuklah jadi ubat-ubatan yang dibekalkan oleh tentera cukuplah sekadar ubat apa orang kata demam sajalah tetapi itu semasa banjir, selepas banjir itu seperti yang saya maklumkan tadilah kita telah mendirikan *kiosk-kiosk* [gerai-gerai], kita dan juga kita disini bermaksud hospital, parti-parti politik dan juga NGO telah berkerjasama untuk memberi err... rawatan *instant* [segera], *instant* [segera] rawatan kepada penduduk-penduduk dengan dibuka err apa *kiosk-koisk* [gerai-gerai] disekitar Manek Urai Lama.

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

- Azmiera** : **Bagi kelengkapan persekolahan untuk para pelajar bagi kemasukan baru iaitu sesi 2015, adakah mereka dibekalkan kelengkapan yang secukupnya?**
- MS** : Ooo untuk tahun persekolahan selepas banjir itu tiada masalah lah kepada kanak-kanak ataupun ibu bapa mahupun sekolah sendiri untuk beroperasi seperti biasa kecuali... kecuali arrr persekitaran Manek Urai itu sendiri yang belum lagi terurus sepenuhnya, dan saya rasa sekitar enam bulan kemudiannya barulah Manek Urai Lama itu ia.. ia kembali pulih sedikit ia punya *environment* [persekitaran] persekitaran dengan bau-bau busuk dia itu enam bulan selepas itu baru-baru orang kata bukan kembali kepada asal tetapi apabila kita masuk itu kita berasa selesa sedikit ke Manek Urai.
- Azmiera** : **Bagaimanakah para pelajar di SK Manek Urai memulakan sesi persekolahan mereka?**
- MS** : Aarr mereka disana hari itu mereka bermula lewat daripada sekolah-sekolah lain sebab mereka terlibat mereka...pelajar dan guru-guru sendiri terlibat di dalam operasi pembersihan itu. Jadi kehadiran mereka ke.. ke sekolah lebih kepada untuk... untuk orang kata aha (nada ketawa) untuk membersihkan bilik darjah masing-masing lah dan mereka sentiasa dibekalkan dengan mask [topeng].
- Azmiera** : ***mask* [topeng]**

Untuk soalan yang terakhir..

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

Azmiera : Sudah pasti mereka mengalami trauma yang sangat teruk setelah melalui peristiwa yang cukup pahit buat mereka, adakah mereka diberi sesi kaunseling untuk mngembalikan semangat mereka yang telah hilang?

MS : Ya kita tidak nafi lah benda ini ia menjadi trauma jadi oleh kerana sebahagian besar daripada kita di Manek Urai di Guchil ini beragama Islam pada... pada saat-saat... saat-saat kita kecewa rumah tangga runtuh (rumah runtuh) apa semua ini kita banyak... kita banyak sembahyang hajat, tazkirah dan bermacam-macam lah program kita aturkan di pusat-pusat ibadah dan kena redha lah ini semua ujian daripada Allah S.W.T dan saya pada hari ini selepas dua tahun ini saya... saya rasa betul lah ini ujian Allah sebabnya begini sebabnya kita lihat pada hari rumah mereka runtuh, mereka meraung kesedihan lah hilang itu dan hilang ini, tetapi hasil daripada bantuan NGO yang mula-mula sekali NGO masuk apa semua itu setengah-setengah daripa NGO ini mereka memberikan habuan tunai kepada penduduk-penduduk terutama sekali saya pun tidak faham kenapa Manek Urai Lama yang dijadikan fokus sebabnya mungkin kes sekolah itu tadi lah, tetapi kalau dikira tempat mangsa banjir lain patut diberi tumpuan ialah di Guchil, tetapi oleh kerana media lebih memainkan Manek Urai maksudnya NGO-NGO seluruh malaysia mereka tertumpu ke Manek Urai. Jadi mereka datang ini bukan sahaja membawa makanan tetapi membawa wang tunai. Tapi tidak mengapalah, jadi orang kata yang mana kehilangan rumah apabila kerajaan ganti rumah baru mereka telah melihat rahmat daripada banjir itu , kalau banjir dulu rumah lama dia ini hanya bernilai Tujuh Ribu ringgit rumah kayu, rumah usang tetapi diganti dengan rumah batu tiga but.. tiga biji bilik bernilai kalau yang rumah tanah sendiri nilai rumah itu ialah (bunyi kenderaan) Enam Ribu Lima ratus. Tapi kalau yang tanah... mangsa banjir ini tiada tanah kerajaan beri tanah dan nilai oleh JKR kepada tanah dan rumah yang kerajaan bagi itu hampir-hampir mencecah seratus

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

lima puluh ribu. Jadi inilah yang kita kata rahmat yang kita tidak nampak (ada orang masuk) rahmat yang kita tidak semasa banjir hari itu tetapi diganti oleh kerajaan dengan... dengan izin Allah juga lah. Ini rahmat kita kata, saat trauma dia sekarang ini berubah kepada saat yang bahagia lah.

Azmiera : **okey**

Azmiera : **Dengan berakhir soalan yg terakhir itu tadi,maka berakhirilah sesi temubual kita pada hari ini. Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tak terhingga atas kesudian Encik untuk meluangkan masa Encik bersama dengan kami.**

MS : Sama-sama, saya pun suka juga dengan kehadiran anda berdua kerana (pesanan mesej berbunyi) dapat menceritakan secara asas walaupun tidak *detail* [terperinci] tentang kejadian yang berlaku di err... bukan sahaja di Manek Urai, sebenarnya di guchil dan di dun mengkebang tapi oleh kerana kita khusus kepada Manek Urai hari ini kita bercakap pasal Manek Urai lah. Sekian terima kasih.

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

RALAT

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

6.0 RALAT

Sepanjang temubual ini dijalankan kami menghadapi sedikit gangguan seperti :

1. Bunyi panggilan telefon
2. Bunyi pesanan mesej
3. Bunyi pengumuman
4. Bunyi lori
5. Bunyi kereta
6. Bunyi orang bercakap
7. Ada orang ingin masuk ke bilik semasa temuramah berjalan
8. Bunyi alat kawalan jauh penghawa dingin
9. Bunyi kroh
10. Bunyi ketawa
11. Bunyi berdehem
12. Bunyi semasa menyandar di kerusi
13. Bunyi kenderaan lalu lalang

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

LOG TEMUBUAL

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MOHD SALIHIN BIN NIK WIL MENGENAI BANJIR 2014 DI
DAERAH KUALA KRAI

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

7.0 LOG TEMUBUAL

MASA	PERKARA	ISI
00 : 50	LATAR BELAKANG / BIODATA Tarikh dan tempat lahir beliau Taraf perkahwinan Bilangan anak	Salihin Bin Nik Wil 14 Mei 1969 Hospital Kuala Krai Berkahwin 4 orang anak
01 : 44	TARIKH KEJADIAN BANJIR Banjir besar telah berlaku pada 24 Disember 2014.	Pada 22 & 23 Disember 2014 banjir telah berlaku tetapi tidak sebesar yang berlaku pada 24 Disember 2014.
04 : 38	KAWASAN YANG DILANDA BANJIR Manek Urai Baru Manek Urai Lama Guchil Kampung Tualang Kampung Aur Duri Sungai Durian Kampung Mengkebang Kampung Sedek	Kawasan yang paling teruk terjejas banjir ialah kawasan Manek Urai Lama, Manek Urai Baru dan Guchil.
09 : 02	KEADAAN DI BANDAR KUALA KRAI 90% bandar Kuala Krai tenggelam dan kehidupan penduduk terjejas akibat banjir.	Kesemua bank dan pasaraya tenggelam.

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MOHD SALIHIN BIN NIK WIL MENGENAI BANJIR 2014 DI
DAERAH KUALA KRAI

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

<p>12 : 40</p>	<p>TEMPOH UNTUK MEMBANGUNKAN SEMULA BANDAR KUALA KRAI</p> <p>2 minggu ambil tempoh untuk membersihkan Bandar. Bank tidak beroperasi selama sebulan. Tenaga Nasional Berhad baru beroperasi pada tahun ini iaitu tahun 2016.</p>	<p>Banyak mendapat bantuan dari pihak luar untuk membersihkan Bandar Kuala Krai seperti NGO dan pihak bomba.</p>
<p>17 : 00</p>	<p>BUKA PUSAT PEMINDAHAN UNTUK MANGSA BANJIR</p> <p>Buka pusat pemindahan di tempat-tempat yang tinggi.</p>	<p>Di kawasan sekolah dan di pusat pemindahan yang biasa dibuka untuk mangsa banjir.</p>
<p>19 : 13</p>	<p>TEMPAT PARA PENDUDUK MENYELAMATKAN DIRI</p> <p>Pada banjir biasa penduduk menyelamatkan diri di pusat pemindahan yang telah disediakan. Pada banjir besar 24 Disember 2014 penduduk menyelamatkan diri di sekolah.</p>	<p>Khususnya penduduk Manek Urai, mereka berkumpul di sekolah.</p>
<p>23 : 10</p>	<p>AGENSI YANG MEMBANTU MEMBERI BANTUAN</p> <p>Jabatan Kebajikan Masyarakat Angkatan Tentera Malaysia NGO</p>	<p>Menerima kunjungan daripada Panglima Angkatan Tentera Malaysia di Manek Urai.</p>

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MOHD SALIHIN BIN NIK WIL MENGENAI BANJIR 2014 DI
DAERAH KUALA KRAI

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

28: 25	BAGAIMANA PESAKIT DIBERI RAWATAN Adakan pusat rawatan bergerak	Kerjasama dengan Hospital Kuala Krai, JPA dan RELA.
29 : 00	MANGSA YANG KEHILANGAN TEMPAT TINGGAL 500 keluarga	Di Manek Urai dan di Guchil

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

INDEKS

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

8.0 INDEKS

A

Anggaran penduduk, 26
Angkatan Tentera Malaysia, 27
Aur duri, 17

B

Badan beruniform, 29
Bah kuning see banjir
Banjir (banjir besar, banjir biasa), 15,16,17,18,19,20,21,24,25,30,31,32,33,35,37
Bangunan, 18,19,20,21
Bandar Kuala Krai, 19,21
Bekalan makanan, 26,28,33

D

Diselamatkan, 29

E

Empangan, 16

F

Fenomena air pasang, 16

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

G

Guchil, 6,14,17,18,19,21,23,24,29,30,31,36,37

H

Hospital, 8,19,20,30,35

Hujan, 15,21,28

J

Jabatan Kebajikan Masyarakat, 27

JPA, 29,30

K

Kampung Tualang, 17

Kampong Sedek, 17

Kawasan, 17,21,24,25,30,33,34

Kehilangan tempat tinggal, 31

Keluarga, 28

Kelaparan, 18

Kelantan, 6,8,14,16

Kementerian Pertahanan, 20

Komunikasi terputus, 18

Kesan pembangunan (pembalakan), 16

Kerajaan negeri, 31

Kerajaan pusat, 31

Kritikal, 18

Kuala Krai, 6,8,14,15,17,19,20,21,23,24,29,30,31

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

L

Lumpur, 21,22,30,34

M

Makanan asas (ikan kering, sardine, beras, telur), 27

Manek Urai, 6,17,18,21,24,25,26,31,32,33,35,36

Mangsa banjir, 25

Mangsa yang terperangkap, 29

Membersihkan sekolah, 34

Mengkebang, 17,24

Mengalami trauma, 36

Menyelamatkan diri, 34

Minum air hujan, 28

Mohd Salihin Bin Nik Wil, 6,8

N

NGO, 29,30,31,35,36,37

O

Orang-orang kampung, 29

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

P

Paras air, 20,27,29
Pembinaan rumah, 31
Pembersihan, 36
Penduduk, 8,23
Pentadbir mukim, 6,14,18
Pusat pemindahan, 24,25,32

R

Rawatan, 30,35
RELA, 29,30
Rumah runtuh, 36
Rumah Baru Kekal Banjir, 32

S

Sekolah, 24,25,28,32,33,34,36
Sesi kaunseling, 36
Sungai, 23
Sungai Durian, 17

T

Tenggelam (bank, pasaraya), 19,20
Terkepung, 18,21,28
Terputus bekalan elektrik dan air, 17,18,20

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

RUJUKAN

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

9.0 RUJUKAN

- Mohd Salihin bin Nik Wil.(2016, November 27). *Temubual bersama Mohd Salihin bin Nik Wil mengenai banjir 2014 di daerah Kuala Krai* [interview]
- 2014, Disember 25. Banjir di Kuala Krai paling buruk dalam sejarah. *Utusan Kelantan*. Retrieved from <https://www.utusan.com.my/rencana/kuala-krai-bangkit-semula-1.175344>
- 2014, Disember 26. Mangsa banjir di Kuala Krai bergelap dan berlapar lebih 40 jam. *Berita harian*. Retrieved from <http://www.bharian.com.my/node/187518>
- 2014, Disember 29. Keadaan Manek Urai selepas banjir menyayat hati. *Berita harian*. Retrieved from <http://www.bharian.com.my/node/187518>

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

LAMPIRAN

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

10.1 LAMPIRAN

SURAT-SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan

Pada

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -

Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh). Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....
Pengkisah (interviewee)

.....

Dekan

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi MARA



MOHD SALIHIN B NIK WIL@ISMAIL
K/P. 690514-03-5317
PENTADBIR MUKIM
DUN GUCHIL
PARLIMEN KUALA KRAI
KELANTAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

SURAT PENGAKUAN PENERIMAAN SALINAN TRANSKRIP SEJARAH LISAN

Kepada sesiapa yang berkenaan,

Saya... ENCIK MOHD SALIHIN BIN NIK WIL

Dengan ini mengaku telah mendapat satu salinan transkrip temubual Sejarah Lisan bertajuk
BANJIR 2014 DI DAERAH KUALA KRAI

daripada penemubual iaitu AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH dan
MARZIANI BINTI MAT RANI Transkrip ini telah diserahkan
kepada saya pada 5 JANUARI 2017

Untuk sebarang pertanyaan, saya boleh dihubungi melalui: -

- a) 019 947 4848 (No. tel bimbit)
- b) 013 981 7245 (No. tel. rumah)
- c) 09 966 9958 (No. tel. pejabat)

Atau di alamat:

Lot 2369, Jln Ching Hua,
18000 Kuala Krai,
Kelantan.



Nama : MOHD SALIHIN BIN NIK WIL

Tandatangan :

Tarikh : 5 JANUARI 2017



MOHD SALIHIN B NIK WIL@ISMAIL
K/P: 690514-03-5317
PENTADBIR MUKIM
DUN GUCHIL
PARLIMEN KUALA KRAI
KELANTAN.

dan

MOHD SALIHIN B. NIK WIL
SETIAUSAHA KERJA
UMNO BAHAGIAN KUALA KRAI

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

SENARAI SOALAN

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

10.2 SENARAI SOALAN

1. Assalamualaikum Encik, saya Marzianti Mat Rani dan saya Azmiera Sidi Hamzah. Kami pelajar dari UiTM Kedah. Terima kasih atas kesediaan Encik meluangkan masa bersama kami untuk berkongsi cerita mengenai bencana banjir yang melanda Kuala Krai pada tahun 2014.
2. Sebelum saya bertanya dengan lebih lanjut, bolehkah Encik memperkenalkan diri Encik terlebih dahulu, termasuk nama, umur, tarikh, lahir, tempat lahir, pekerjaan, status, nama isteri, bilangan anak dan alamat tempat tinggal Encik.
3. Berbalik kepada tujuan asal temubual ini dijalankan adalah untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai 'bah kuning' yang melanda daerah Kuala Krai. Bolehkah Encik beritahu kami bila bencana ini berlaku.(maksud saya tarikh kejadian banjir)
4. Bagaimana kejadian banjir ini berlaku? Adakah secara mengejut atau perlahan-lahan?
5. Adakah cerita yang telah digembar gemburkan dimana banjir ini berlaku adalah disebabkan air yg telah dilepaskan dari empangan, betul atau tidak?
6. Adakah bencana banjir ini berlaku kerana fenomena air pasang ataupun kesan pembangunan?

27 NOVEMBER 2016

**AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI**

7. Kawasan atau kg manakah yang dilanda banjir itu?

8. Selain itu, setahu saya, hampir kesemua kawasan di daerah Kuala Krai ini terputus bekalan elektrik dan air. Dalam tempoh berapa lama mangsa banjir ini menghadapi kesulitan ini?

9. Selain daripada terputus bekalan elektrik dan air, bagaimana pula dengan alatan telekomunikasi, contohnya panggilan telefon, adakah sepanjang bencana banjir berlaku, komunikasi juga terputus?

10. Berapa lama tempoh komunikasi terputus hubungan?

11. Dengan terputusnya alatan komunikasi ini, bagaimana mangsa banjir berhubung dengan ahli keluarganya yang lain?

12. Seterusnya, bagaimana pula dengan keadaan di bandar Kuala Krai itu sendiri, adakah kesemua bangunan-bangunan yang ada di bandar ini tenggelam?

13. Dari apa yang Encik katakan sebentar tadi, adakah bangunan-bangunan seperti hospital dan pasaraya juga turut terlibat?

27 NOVEMBER 2016

**AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI**

14. Bagaimana dengan paras air di kesemua bangunan ini, adakah ia tenggelam hampir keseluruhan bangunan?
15. Berapa lama tempoh air banjir untuk surut bagi sesetengah kawasan?
16. Seperti yang tersiar dalam media massa sebelum ini, bandar Kuala Krai mengalami kerosakan yang sangat teruk akibat bencana banjir, untuk membangunkan semula bandar Kuala Krai ini, adakah ia mengambil masa yang sangat lama?
17. Boleh Encik bagitahu berapa anggaran jumlah penduduk yang terlibat dengan banjir bagi seluruh daerah Kuala Krai?
18. Berapa banyak pusat pemindahan dibuka untuk mangsa banjir?
19. Di kawasan manakah pusat pemindahan ini dibuka?
20. Untuk soalan seterusnya, kami ingin fokuskan berkaitan banjir di kawasan Manek Urai. Seperti yang kita tahu, kawasan tersebut adalah kawasan yang paling teruk dilanda banjir.
21. Penduduk sudah dimaklumkan ataupun tidak berkaitan banjir yang akan berlaku?

27 NOVEMBER 2016

**AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI**

22. Semasa kejadian bencana ini berlaku, dimana para penduduk Manek Urai telah menyelamatkan diri?
23. Di sekitar Manek Urai, berapa banyak pusat pemindahan dibuka untuk mangsa banjir?
24. Seperti yang kita tahu, Manek Urai terbahagi kepada dua iaitu Manek Urai lama dan Manek Urai baru, adakah jambatan yang menghubungkan antara Manek Urai baru dan lama juga terputus?
25. Berapakah jarak antara kg Manek Urai lama dan Manek Urai baru?
26. Berapakah anggaran bilangan penduduk di kg Manek Urai lama dan Manek Urai baru?
27. Sepanjang tempoh kawasan Manek Urai dinaiki air, bagaimana dengan bekalan makanan untuk mangsa banjir, adakah ia mencukupi?
28. Apakah bekalan yang disalurkan untuk mereka?
29. Agensi manakah yang banyak membantu bagi menyalurkan bantuan untuk mangsa banjir ini?

27 NOVEMBER 2016

**AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI**

30. Seterusnya Encik, bagaimana bekalan bantuan ini disalurkan, sedangkan paras air berada di tahap yang bahaya?
31. Sudah pasti akan ada mangsa banjir yang tercicir dari mendapatkan bekalan bantuan. Bagaimana mereka menghadapi kesulitan ini?
32. Bagi bekalan bantuan untuk mangsa banjir, adakah ada sesetengah pihak yang mengambil lebih bantuan tersebut seperti bekalan makanan, pakaian dan keperluan peribadi?
33. Soalan seterusnya, semasa paras air meningkat, ada atau tidak mangsa yang terperangkap di dalam rumah?
34. Badan beruniform manakah yang terlibat dalam operasi menyelamatkan mangsa banjir tersebut?
35. Adakah ada penduduk di kg Manek Urai mengalami sakit yang kritikal?
36. Bagaimana pesakit ini diberi rawatan?
37. Selain daripada itu, berapa ramai mangsa yang kehilangan tempat tinggal?
38. Bagi mangsa-mangsa yg kehilangan tempat tinggal, adakah mereka diberi pampasan seperti pembinaan rumah baru, elaun dan keperluan lain-lain?

27 NOVEMBER 2016

**AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI**

39. Seperti yang kita tahu di Manek Urai, terdapat sebuah sekolah, adakah sekolah di Manek Urai itu juga dinaiki air?
40. Bangunan SK Manek Urai lama mempunyai berapa tingkat?
41. Adakah sekolah itu dapat menampung kesemua bilangan penduduk Manek Urai?
42. Adakah kesemua penduduk Manek Urai telah menyelamatkan diri di sekolah itu?
43. Selain dari sekolah SK Manek Urai, dimana lagi kawasan penduduk Manek Urai pergi menyelamatkan diri?
44. Seperti yang kita tahu, SK Manek Urai mengalami kerugian yang sangat teruk, berapakah anggaran kerugian sekolah tersebut?
45. Berapa lama tempoh yang diambil untuk membersihkan sekolah tersebut?

27 NOVEMBER 2016

**AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI**

46. Pada waktu banjir tersebut berlaku, adakah bantuan seperti bantuan perubatan disalurkan untuk para penduduk di Manek Urai?
47. Bagi kelengkapan persekolahan untuk para pelajar bagi kemasukan baru iaitu sesi 2015, adakah mereka dibekalkan kelengkapan yang secukupnya?
48. Bagaimanakah para pelajar di SK Manek Urai memulakan sesi persekolahan mereka?
49. Sudah pasti mereka mengalami trauma yang sangat teruk setelah melalui peristiwa yang cukup pahit buat mereka, adakah mereka diberi sesi kaunseling untuk mngembalikan semangat mereka yang telah hilang?
50. Dengan berakhir soalan yg terakhir itu tadi, maka berakhirilah sesi temubual kita pada hari ini. Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tak terhingga atas kesudian Encik untuk meluangkan masa Encik bersama dengan kami.

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

DIARI PENYELIDIKAN

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

10.3 DIARI PENYELIDIKAN

NO	TARIKH	PERKARA
1.	19 Disember 2016	Pengenalan kepada subjek sejarah lisan
2.	19 Disember 2016	Cari tajuk untuk sejarah lisan
3.	26 Disember 2016	Bincang tajuk untuk sejarah lisan <ul style="list-style-type: none">- Tokoh berjasa- Tokoh usahawan/Berjaya- Veteran perang- Tokoh seni
4.	3 Oktober 2016	Perbincangan tajuk baru untuk sejarah lisan <ul style="list-style-type: none">- Berjasa kepada Negara- Perjalanan karier dan sumbangan pustakawan dalam bidang sains maklumat- Tokoh atlet- Sejarah kewujudan kampung- Tokoh seni
5.	24 Oktober 2016	Pensyarah menayakan tajuk berkisar dengan banjir 2014 di daerah Kuala Krai
6.	27 Oktober 2016	Membuat panggilan telefon untuk bertanyakan tarikh yang sesuai untuk menemuramah
7.	2 November 2016	Mencetak surat kebenaran untuk menemuramah
8.	3 November 2016	Fax surat kebenaran ke pejabat UMNO daerah Kuala Krai

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MOHD SALIHIN BIN NIK WIL MENGENAI BANJIR 2014 DI
DAERAH KUALA KRAI**

27 NOVEMBER 2016

**AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI**

9.	7-9 November 2016	Menjana soalan untuk temubual
10.	14 November 2016	Menyemak soalan temuramah dengan pensyarah
11.	27 November 2016	Temubual bersama Encik Mohd Salihin Bin Nik Wil
12.	28 November – 2 Disember 2017	Proses mendokumentasikan transkrip temubual bersama Encik Mohd Salihin Bin Nik Wil
13.	5 Disember 2016	Tarikh penghantaran transkrip

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

GAMBAR

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

10.4 GAMBAR



27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

astro
AWANI

BERITA FOTO VIDEO LIVE TV RANCANGAN KINI TRENDING APPS LAGI...

MALAYSIA DUNIA BISNES SUKAN HIBURAN TEKNOLOGI GAYA HIDUP POLITIK PERSPEKTIF LAPO

BERITA | BANJIR

Mangsa banjir di Kuala Krai, bergelap dan berlapar lebih 40 jam

Disember 26, 2014 18:44 MYT

[f](#) [t](#) [v](#) [g+](#) [w](#)



KUALA LUMPUR: Ketika pelbagai pihak sibuk menghulurkan sumbangan membantu mangsa banjir di Kelantan, kira-kira 100 mangsa yang menjadikan sebuah sekolah di Kuala Krai sebagai pusat perlindungan sementara, terpaksa berlapar dan bergelap tanpa sebarang bantuan sejak lebih 40 jam lepas.

Seorang mangsa banjir di Kuala Krai, Dr Azilah Mohd Ali berkata sehingga kini tidak diketahui nasib mangsa yang berlindung di bangunan Asrama Lelaki Sekolah Menengah Sultan Yahya Petra (SYP) 1 itu.

Setakat 5 petang ini sejumlah 119,624 mangsa banjir di Kelantan Terengganu Pahang, Perak, Johor, Kedah dan Perlis terpaksa dipindahkan ke pusat perlindungan. - Gambar Fail

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

Banjir di Kuala Krai paling buruk dalam sejarah

UTUSANKELANTAN@UTUSAN.COM.MY | 25 Disember 2014 11:48 PM

KUALA KRAI 25 Dis. - Paling teruk dalam sejarah. Itu yang dapat disimpulkan apabila ramai penduduk di Kuala Krai terperangkap selepas kediaman mereka dinaiki air hingga setinggi tiang elektrik.

Malah, difahamkan ada antara mangsa terputus bekalan makanan dan perhubungan sejak beberapa hari lalu.

Bermula kelmarin, pelbagai kiriman mesej melalui aplikasi Whatsapp dikirimkan oleh mangsa merayu bantuan.

Namun, hari ini tidak banyak lagi kiriman mesej seperti itu diterima mungkin disebabkan bateri telefon bimbit milik mangsa sudah kehabisan dan bekalan elektrik yang terputus.

Sehingga kini, masih terdapat dalam kalangan penduduk khususnya di Manek Urai menanti bantuan daripada pasukan keselamatan bagi menyelamatkan mereka termasuk di pusat-pusat pemindahan yang ditenggelami air.

Di pusat pemindahan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Manek Urai, sebahagian daripada 400 mangsa yang terperangkap di tingkat empat bangunan sekolah berkenaan sejak semalam masih menanti bantuan.

Walaupun cemas dan lapar, kesemua mangsa tidak dapat berbuat apa-apa sebaliknya hanya mampu berserah dan dapat terus bertahan.

Sementara itu, tinjauan Utusan Malaysia mendapati, lebih 2,000 mangsa di SMK Sultan Yahya Petra yang terperangkap di pusat berkenaan dalam keadaan kelaparan dan kegelapan sejak tiga hari lalu, terus menantikan bantuan.

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI



27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

Pusat pemindahan SMK Manek Urai Lama ditenggelami air

ZAAIN ZIN | 24 Disember 2014 2:01 PM

KUALA KRAI 24 Dis. - Seramai 438 mangsa banjir daripada 129 keluarga yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sekolah Kebangsaan (SK) Manek Urai Lama, dekat sini berdepan detik cemas apabila aras bawah bangunan itu ditenggelami air sejak pukul 4 pagi ini.

Ekoran itu, kesemua mangsa banjir di pusat pemindahan tersebut terpaksa berpindah ke aras tiga bagi menyelamatkan diri sementara menunggu bantuan daripada pihak berkuasa.

Difahamkan, laluan darat untuk ke pusat pemindahan terbabit telah terputus sepenuhnya berikutan bandar Kuala Krai turut ditenggelami air.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri, Azmi Othman berkata, pasukan keselamatan terdiri daripada bomba, polis dan tentera telah dikerahkan ke sana kira-kira pukul 10.30 pagi ini untuk memindahkan mangsa ke pusat pemindahan terdekat.

"Pasukan keselamatan dalam perjalanan ke sana. Berdasarkan maklumat terbaru, air dalam dan arus deras menyukarkan bot pasukan penyelamat untuk ke sekolah tersebut," katanya ketika dihubungi di sini hari ini. - UTUSAN ONLINE

Ⓜ x

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MOHD SALIHIN BIN NIK WIL MENGENAI BANJIR 2014 DI DAERAH KUALA KRAI

27 NOVEMBER 2016

**AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI**



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MOHD SALIHIN BIN NIK WIL MENGENAI BANJIR 2014 DI
DAERAH KUALA KRAI**

27 NOVEMBER 2016

**AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI**



TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MOHD SALIHIN BIN NIK WIL MENGENAI BANJIR 2014 DI DAERAH KUALA KRAI

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI



TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MOHD SALIHIN BIN NIK WIL MENGENAI BANJIR 2014 DI DAERAH KUALA KRAI

27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MOHD SALIHIN BIN NIK WIL MENGENAI BANJIR 2014 DI
DAERAH KUALA KRAI**

27 NOVEMBER 2016

**AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI**



TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK MOHD SALIHIN BIN NIK WIL MENGENAI BANJIR 2014 DI DAERAH KUALA KRAI

27 NOVEMBER 2016

**AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANTI BINTI MAT RANI**



27 NOVEMBER 2016

AZMIERA BINTI SIDI HAMZAH
MARZIANI BINTI MAT RANI

